

# 14 bot nelayan Vietnam ditahan

**Dikesan menangkap ikan secara haram di perairan negara setakat tahun ini**

HASRAM MOHAMAD

PASIR PUTEH

**A**geni Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim) Kelantan, berjaya menahan 14 bot nelayan asing Vietnam yang menangkap ikan secara haram di perairan negara dari 1 Januari hingga semalam.

Timbalan Pengarahnya, Komander Maritim Ismail Hamzah berkata, ia termasuk kes terbaharu membabitkan satu bot dengan

enam nelayan negara itu beberapa hari lalu.

Beliau berkata, Ops Perkasa Timur dan Ops Khas Pagar Laut dilaksanakan dengan baik bagi memastikan perairan negara bebas dari pencerobohan.

“Selain pencerobohan nelayan asing, kita juga memantau aktiviti lain di laut termasuk penyeludupan yang lazimnya meningkat pada musim perayaan.

“Kita mempunyai kekuatan yang cukup untuk menjayakan kedua-dua operasi berkenaan dengan komitmen tinggi setiap anggota,” katanya.

Beberapa hari lalu, katanya, aset Maritim Kelantan, KM Jujur menahan bot nelayan Vietnam kira-kira 111 batu nautika dari Kuala Tok Bali.

Menurutnya, enam nelayan asing itu didapati tidak



Isnail (tengah) bersama anggota Maritim mengawasi nelayan asing yang ditahan kerana menceroboh perairan negara beberapa hari lalu.

mempunyai sebarang dokumen sah.

“Bot itu ditunda ke Jeti Operasi Maritim di Tok Bali dan kes disiasat di bawah Akta Perikanan 1985 kerana

menangkap ikan secara haram, tanpa kebenaran Ketua Pengarah Perikanan Malaysia.

“Nilai rampasan bernilai RM100,000 merangkumi

hasil tangkapan, peralatan menangkap ikan dan bot,” katanya.

Ismail berkata, Maritim meningkatkan hubungan dengan masyarakat khusus-

info

Ops Perkasa Timur dan Ops Khas Pagar Laut dilaksanakan dengan baik bagi memastikan perairan negara bebas dari pencerobohan

nya komuniti nelayan tempatan dengan harapan mereka terus menjadi mata dan telinga kepada agensi berkenaan.

“Mereka inilah yang lazimnya menyalurkan maklumat mengenai kes pencerobohan oleh nelayan asing yang membolehkan Maritim bertindak.

“Hubungan baik ini perlu dikekalkan dalam usaha bersama menjaga perairan negara dari diceroboh nelayan asing,” katanya.